

Arkeologi Lenggong akan dinaik taraf – Shamsul Anuar

10 Oktober 2015 12:13 AM

Like 0 Share 0 Tweet 0 Google + 0



SHAMSUL ANUAR NASARAH (tengah) dan Saarani Mohamed (dua dari kiri) menyaksikan Faizal Nizam (kiri) menyerahkan replika kunci kepada Sabaruddin Mohamad di Dewan Orang Ramai Kampung Raban, Lenggong, Perak, baru-baru ini. UTUSAN/HASHIM P. MAMAT

LENGGONG 9 Okt. – Lebih banyak projek pembangunan akan dibawa ke daerah ini dengan tarikan utama pelancong ke sini iaitu Galeri Arkeologi Lenggong akan dinaik taraf.

Ahli Parlimen Lenggong, Datuk Shamsul Anuar Nasarah berkata, apabila dinaik taraf kelak ini akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.

Menurut beliau, antara yang akan dibangunkan ialah 10 unit gerai di Agrovalley Lenggong dekat sini.

“Pembangunan yang dirancang ini adalah sebahagian daripada cadangan kerajaan untuk memindahkan projek-projek ekonomi bandar ke kawasan luar bandar.

“Sehubungan itu masyarakat di sini perlu merebut peluang yang ada sebaik mungkin apabila projek-projek pembangunan ini dibawa ke Lenggong kelak,” katanya.

“Sehubungan itu masyarakat di sini perlu merebut peluang yang ada sebaik mungkin apabila projek-projek pembangunan ini dibawa ke Lenggong kelak,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam majlis perasmian Dewan Orang Ramai Kampung Rabandi sini baru-baru ini.

Yang turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Kota Tampan, Datuk Saarani Mohamed dan Ketua Penolong Pegawai Daerah Lenggong, Faizal Nizam serta Ketua Kampung Raban, Sabaruddin Mohamad.

Shamsul Anuar seterusnya berharap masyarakat di sini menyokong pembangunan yang telah dibawa ke kawasan ini selain menonjolkan keunikan yang terdapat di Lenggong bagi mempopularkan kawasan itu.

“Tasik Raban di sini umpamanya begitu unik dan boleh dijadikan daya tarikan orang luar. Sokongan padu daripada penduduk amat diperlukan bagi merealisasikan hasrat untuk memajukan kawasan ini,” katanya.

Sementara itu, Saarani berkata, identiti Lenggong sebagai pengeluar ikan pekasam yang digemari ramai kini berdepan cabaran ekoran kekurangan ikan di kawasan Tasik Raban.

Menurutnya, ini menyebabkan pengusaha terpaksa mendapatkan bekalan ikan dari kawasan lain seperti dari Tasik Temengor di Gerik.

Kata beliau, keadaan itu meresahkan pengusahaan ketika permintaan untuk ikan pekasam semakin meningkat.

“Saya berharap Jabatan Perikanan dapat melakukan sesuatu bagi mengatasi masalah ini,” katanya.